

Pembedahan Kosmetik Wanita Jadi Taruhan?

OKTOBER 2004, nyawa seorang pramugari Penerbangan Malaysia (MAS), Jenny Lew Fong Khun, yang ketika itu berusia 34 tahun melayang selepas menjalani rawatan kecantikan di sebuah klinik. Pengumuman mengenai punca kematian Jenny terus menjadi misteri biarpun setelah tiga minggu berita mengenai kematiannya disiarkan.

Terbaru, kes yang membabitkan Datin Fatimah Wan Chik yang juga isteri kepada bekas Ahli Parlimen Labuan, Datuk Suhaili yang masih koma di Pusat Perubatan Gleneagles, Kuala Lumpur sejak 19 Januari lalu setelah dikatakan menjalani prosedur kecantikan di sebuah klinik di Klang, Selangor.

Menurut Suhaili, sehingga 27 Mac lalu isterinya sudah lama dapat mem-

buka mata dan memberi tindak balas positif setiap kali tangannya disentuh, tetapi tidak dapat mengenali sesiapa termasuk dirinya serta anak-anak. Fatimah sebelum itu didakwa menghidap kencing manis biarpun Suhaili menolakan andaian penyakit itu menjadi punca koma.

Di luar negara, tersurat sebagai mangsa pembedahan kosmetik adalah ibu kepada penyanyi rap terkenal Amerika Syarikat, Kanye West iaitu Donda West. Kedegilan untuk tampil cantik melalui proses sedut lemak sekalipun gagal daripada aspek 'medical screening' akhirnya membawa padah, apabila nyawanya tergedai pada 10 November 2007!

Bagaimanapun, ini bukanlah bermakna prosedur pembedahan kosmetik perlu dielakkan sama sekali. Anda barangkali perlu mencontohi dan mengorek rahsia kejayaan Cindy Jackson yang tercatat dalam Guinness Book of World Record sebagai wanita pertama yang paling banyak menjalani pembedahan kosmetik dan berjaya memiliki

wajah impiannya, patung Barbie!

Semangannya, menjalani pembedahan kosmetik adalah keputusan peribadi. Namun seperti yang dijelaskan oleh Dr. Mohd. Ruslan Johan, pilihan doktor yang berkelayakan dan lakukan proses 'medical screening'. Jika tidak bersedia dengan bahaya yang bakal terjadi.

Sementara itu, bagi Dr. Rusinah Sitron, wanita Malaysia sebenarnya menyedari mengenai risiko melakukan pembedahan kosmetik tetapi godaan untuk tampil cantik melebihi segala-galanya. Disebabkan itu, mereka seolah-olah memejamkan mata atau tidak mengambil iktibar terhadap kes kematian yang berlaku kerana tarikan kejayaan yang cukup hebat.

Apapun yang paling penting, sebelum bersetuju untuk menjalani sebarang prosedur kosmetik yang boleh menjadikan nyawa anda sebagai taruhan, fikirkanlah aspek keselamatan diri dan kewangan, komitmen (untuk rawatan susulan) serta impak psikologi yang bakal dihadapi. **H**